

## **Aplikasi Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Johor**

*Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi*

*Universiti Teknologi Malaysia*

*nazirahhamdan@gmail.com & kamarulazmi07@gmail.com*

### **ABSTRAK**

Bahan Bantu Mengajar (BBM) adalah salah satu elemen utama yang diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti BBM yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah, bagi merangsang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih kreatif dan efektif. Kajian kes berbentuk kualitatif ini menggunakan data temubual sebagai data utama dengan disokong oleh dokumen analisis dan pemerhatian. Seramai tujuh orang peserta yang dipilih sebagai responden utama dan empat puluh dua orang informan telah dikenal pasti bagi mendapatkan maklumat tambahan kepada responden utama. Data temubual di transkrip dan dianalisis menggunakan perisian N'Vivo 7.0 bagi membentuk tema, sub tema, dan sub-sub tema. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak lapan jenis BBM yang membentuk pola kajian, iaitu laptop dan LCD, buku teks, kertas modul, kertas mahjong, bahan maujud, buku rujukan, modul *PowerPoint* dan tayangan video. Hasil dapatan kajian ini mengemukakan satu Model Bahan Bantu Mengajar (BBM) Pendidikan Islam.

Kata kunci: Bahan Bantu Mengajar, guru Pendidikan Islam, pengajaran dan pembelajaran.

### **ABSTRACT**

Teaching AIDS (BBM) is one of the key elements were needed in the teaching and learning process in schools. Hence, this study aims to identify teaching aids are used by the Islamic Education teachers in schools, to stimulate the teaching and learning process (T&L) to be more creative and effective. This qualitative case study using interview data as the primary data supported with document analysis and observation. A total of seven of the main respondents were selected and forty-two informants were identified in order to obtain additional information for the main respondents. The interview data were transcribed and analysed using N'Vivo 7.0 Software to develop theme, subtheme, and subthemes. The study found that there were a total of eight types of teaching aid that create the pattern of study, namely laptop and LCD, textbooks, paper module, mahjong paper, maujud materials, reference books, PowerPoint modules, and video. The findings of the study suggest a Model of Islamic Education Teaching AIDS (BBM).

Keywords: teaching aids, Islamic Education teacher, teaching and learning.

### **PENDAHULUAN**

Salah satu elemen penting yang diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah bahan bantu mengajar (BBM). Bahan bantu mengajar adalah merupakan antara medium yang perlu diketahui serta dikuasai oleh setiap guru khususnya guru Pendidikan Islam. Hal ini kerana, dengan penggunaan BBM tersebut bukan hanya dapat membantu guru menyampaikan sesuatu topik yang diajar dengan lebih baik, malahan juga akan dapat menjadikan P&P lebih berkesan, positif, dan bersesuaian dengan masa serta persekitaran. Selain itu, penggunaan BBM tersebut juga dapat meningkatkan minat pelajar dalam proses P&P, dan menjadikan pembelajaran pelajar lebih efektif untuk memahami isi pelajaran (Kamarul Azmi & Ab. Halim,

2007; Shahabuddin *et al.*, 2007; Mohd, 2009). Jika ditelusuri sirah Islam, jelas menunjukkan bahawa baginda Rasullullah saw menunjukkan contoh teladan tentang beberapa bentuk BBM yang digunakan bagi menyampaikan sesuatu perkara agar lebih jelas dan dapat difahami oleh para sahabat baginda (Mohd Faez & Kamarul Azmi, 2012; Nazirah & Kamarul Azmi, 2013). Keadaan ini jelas menggambarkan BBM amat penting dalam P&P agar lebih berkesan.

Seiring dengan perkembangan zaman teknologi dewasa ini, ICT turut memberi impak dalam dunia pendidikan. Menurut Charlie (2008), BBM ini sama ada berbentuk elektronik mahupun bukan elektronik merupakan BBM yang penting untuk meningkatkan kefahaman dan menarik minat pelajar. Penggunaan komputer, internet, laman interaktif seperti facebook, skype, blog, serta telefon seperti *whatsapp* dan *telegram* menjadi penting dalam proses P&P di sekolah khususnya dalam bidang Pendidikan Islam (Norhani, 2010).

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti BBM yang di aplikasikan oleh guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah menengah. Justeru, persoalan kajian ialah “apakah BBM yang digunakan oleh GPI di sekolah menengah khususnya dalam membantu penyampaian pengajaran dan pembelajaran murid menjadi lebih berkesan?”

## **METODOLOGI KAJIAN**

Cohen dan Manion (1996) menyatakan bahawa metodologi adalah pendekatan yang digunakan dalam pengkajian pendidikan bagi pengumpulan data. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kualitatif atau lebih menjurus kepada kajian kes atau lebih tepat lagi sebagai kajian pelbagai kes (multiple case) sebagai salah satu bentuk keesahan data kajian (Merriam, 2002). Metode utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah temubual bagi mendapatkan maklumat yang khusus dalam mengumpulkan maklumat.

Kajian temubual merupakan sesuatu yang unik kerana ia melibatkan proses pengumpulan data melalui lisan antara dua pihak secara langsung (Sang, 2010). Kaedah ini digunakan untuk mengkaji beberapa individu yang terpilih atau sesuai digunakan dalam kajian yang memerlukan pengumpulan data daripada persampelan yang besar (Othman, 2014). Justeru, seramai 7 orang GPI terpilih sebagai responden utama dalam kajian ini, di samping itu juga turut melibatkan 14 orang rakan GPI, 14 orang pelajar, dan 7 orang pihak atasan GPI yang terpilih sebagai informan. Kaedah pemerhatian terhadap sample kajian dan analisis dokumen dilaksanakan sebagai sokongan kepada data temubual. Kriteria pemilihan GPI ini adalah:, (1) pengalaman mengajar 1- 5 tahun, (2) pengalaman mengajar 5-10 tahun, (3) pengalaman mengajar 10 tahun ke atas, (4) guru cemerlang Pendidikan Islam, dan (5) peratusan sekolah mencapai 95% ke atas dalam subjek Pendidikan Islam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Hasil temubual ini kemudiannya akan ditranskripsi menjadi data naratif dan seterusnya analisis dibuat melalui perisian N' Vivo 7.0 bagi membina tema dan sub-sub tema kajian.

## **DAPATAN DATA**

Setelah di analisis secara mendalam, pengkaji telah mengenalpasti bentuk-bentuk BBM yang diaplikasikan oleh GPI di sekolah. Jadual 1-7 menunjukkan dapatan data yang membentuk pola kajian, yang terdiri daripada LCD, laptop, dan modul power point; buku modul, kertas edaran, dan buku latihan; buku teks; tayangan video; kertas majong; bahan maujud; dan buku

rujukan. Namun, terdapat sembilan bentuk bahan yang tidak menjadi pola seperti kad manila; majalah dan surat khabar; tafsir al-Quran; internet; carta; keratan gambar; papan putih, papan hitam, dan *smart board*; audio; dan CD-Rom.

Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti GPI pada hari ini tidak ketinggalan dalam menggunakan kemudahan ICT dalam P&P. Jelas bahawa setiap GPI sememangnya mengaplikasikan penggunaan laptop, LCD, dan modul power point dalam P&P Pendidikan Islam (GPIS1, 2012: 140; GPIS2, 2012: 175; GPIS3, 2012: 611; GPIS4, 2014: 166; GPIS7, 2014: 109). Hal ini dibuktikan dengan petikan temubual bersama GPIS2 (2012: 175) yang menyatakan, (GPI:PP/BBM/LLP)

*“beli sendiri LCD kalau nak mengajar, harga baru RM 1100..macam saya kalau nak guna LCD sangat pergi ke makmal komputer..di sini pun ada LCD khusus untuk P&P”.*

Petikan ini menggambarkan tentang kesungguhan GPI untuk menggunakan bahan bantu yang bercorakkan multimedia dalam P&P beliau.

Jadual 1: Penandaan data bagi BBM LCD, Laptop, dan Modul Power Point

Sek.	GPI	PAGPI	R1GPI	R2GPI	P1	P2
S1	x	x	x	-	-	-
S2	x	x	x	-	x	x
S3	x	x	x	x	x	x
S4	x	x	x	x	x	x
S5	x	x	x	x	-	-
S6	-	x	-	x	-	-
S7	x	x	-	x	x	-

Keterangan: ‘x’ ialah mewakili data, GPI- Guru Pendidikan Islam, PAGPI- Pihak Atasan GPI, R1GPI- Rakan 1 GPI, R2GPI- Rakan 2 GPI, P1- Pelajar 1 GPI, P2- Pelajar 2 GPI

Selain itu, bentuk BBM yang turut menjadi amalan bagi sebahagian besar GPI di S1-S7 ialah penggunaan buku modul, kertas edaran, dan buku latihan (lihat Jadual 2). Hal ini adalah sebagaimana yang diperakui oleh (GPIS1, 2012: 255; GPIS4, 2014: 173; R2GPIS3, 2012: 957; R1GPIS4, 2014: 184; R1GPIS5, 2014: 232; GPIS6, 2014: 211). Tujuan penggunaan buku modul, kertas edaran, dan buku latihan ini adalah bagi memudahkan guru menilai serta mengetahui tahap kefahaman para pelajar mereka. Sebagai contoh R2GPIS7 (2014: 119) (GPI:PP/BBM/MKL)

*“kita ada modul, dan kita ada buat kertas edaran setiap kali lepas P&P lah..kiranya setiap kali lepas habis kelas je saya akan bagi kertas edaran”.*

Jadual 2: Penandaan data bagi BBM Buku Modul, Kertas Edaran, & Buku Latihan

Sek.	GPI	PAGPI	R1GPI	R2GPI	P1	P2
S1	x	-	-	-	-	x
S2	x	x	x	-	x	x
S3	-	x	x	x	-	-
S4	x	x	x	x	-	x
S5	-	x	x	-	x	-
S6	x	x	x	x	x	-
S7	x	x	x	x	x	x

Keterangan: 'x' ialah mewakili data, GPI- Guru Pendidikan Islam, PAGPI- Pihak Atasan GPI, R1GPI- Rakan 1 GPI, R2GPI- Rakan 2 GPI, P1- Pelajar 1 GPI, P2- Pelajar 2 GPI

BBM yang berikutnya ialah penggunaan buku teks (rujuk Jadual 3). Setiap GPI pasti akan menggunakan buku teks dalam proses P&P kerana perlu mengikut silibus yang telah ditetapkan (GPIS1, 2012: 140; P2S2, 2012: 209; GPIS4, 2014: 178; P1S5, 2014: 27; R2GPIS5, 2014; R2GPIS6, 2014: 115). Contohnya, teks temubual yang menyatakan **(GPI:PP/BBM/BT)**“

*“buku teks memang wajib..sebab silibus pun memang itulah yang terkandung dalam buku teks kan..kalau tak gunakan buku teks takut kita lari daripada silibus..” (PAGPIS5, 2014: 157)*

Jadual 3: Penandaan data bagi BBM Buku Teks

Sek.	GPI	PAGPI	R1GPI	R2GPI	P1	P2
S1	x	x	x	-	-	-
S2	-	x	-	-	x	-
S3	x	x	-	x	x	-
S4	x	-	-	-	-	-
S5	-	x	-	x	x	-
S6	-	-	-	x	x	-
S7	x	x	x	x	x	-

Keterangan: 'x' ialah mewakili data, GPI- Guru Pendidikan Islam, PAGPI- Pihak Atasan GPI, R1GPI- Rakan 1 GPI, R2GPI- Rakan 2 GPI, P1- Pelajar 1 GPI, P2- Pelajar 2 GPI

Selain daripada buku teks, data mendapati sebahagian GPI memaparkan tayangan video (rujuk Jadual 4) dalam P&P mereka (GPIS3, 2012: 722; PAGPIS4, 2014: 115; GPIS6, 2014: 122; P2S2, 2012: 69). Hal ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh GPIS6 (2014: 122) **(GPI:PP/BBM/ TVD)**

*“selain itu saya juga pernah menayangkan video-video untuk memberi lebih kefahaman kepada pelajar”.*

Jadual 4: Penandaan data bagi BBM Tayangan Video

Keterangan: 'x' ialah mewakili data, GPI- Guru Pendidikan Islam, PAGPI- Pihak Atasan GPI,

Sek.	GPI	PAGPI	R1GPI	R2GPI	P1	P2
S1	-	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	x
S3	x	x	-	-	-	-
S4	-	x	-	x	-	-
S5	-	-	-	-	-	-
S6	x	x	-	-	-	-
S7	-	-	-	-	-	-

R1GPI- Rakan 1 GPI, R2GPI- Rakan 2 GPI, P1- Pelajar 1 GPI, P2- Pelajar 2 GPI

Seterusnya, penggunaan kertas majong (lihat Jadual 5) sebagai salah satu bentuk BBM yang digunakan oleh sebahagian GPI. Data mendapati bahawa GPI menggunakan kertas majong sebagai bahan utama untuk pembentangan pelajar di dalam kelas (PAGPIS1, 2012: 145; GPIS3, 2012: 769; R1GPIS3, 2012: 491; R2GPIS4, 2014: 116). Hal ini dikukuhkan sebagaimana petikan temubual bersama R1GPIS1 (2012: 75) (**GPI:PP/BBM/KM**)

*“Ada, kadang-kadang kertas mahjong ni sesuai kalau kita buat dalam bentuk kumpulan pelajar, kan..nak suruh dia present..jadi guna kertas mahjong la..dekat sekolah ni tak ada kemudahan LCD di setiap kelas..tak ada..”*

Jadual 5: Penandaan data bagi BBM Kertas Majong

Keterangan: 'x' ialah mewakili data, GPI- Guru Pendidikan Islam, PAGPI- Pihak Atasan GPI,

Sek.	GPI	PAGPI	R1GPI	R2GPI	P1	P2
S1	-	x	x	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-
S3	x	-	x	x	-	-
S4	-	-	-	x	-	-
S5	-	-	x	x	-	-
S6	-	-	x	-	-	-
S7	-	-	-	-	-	x

R1GPI- Rakan 1 GPI, R2GPI- Rakan 2 GPI, P1- Pelajar 1 GPI, P2- Pelajar 2 GPI

Berikutnya, data menunjukkan bahawa bahan maujud (rujuk Jadual 6) juga digunakan oleh sebahagian GPI (GPIS1, 2012: 141; R2GPIS3, 2012: 340; GPIS4, 2014: 166; R1GPIS5, 2014: 177; R1GPIS6, 2014: 106). Penggunaan bahan maujud dalam P&P melalui petikan temubual berikut:(GPI:PP/BBM/BMA)

*“Emm..benda yang maujud lah..kita bawa sendiri lah bahannya, contoh macam yang saya cakap tadi untuk istinja kan..untuk tayamum, bawa lah alat dia..jenis-jenis yang begitulah biar pelajar tu faham..ada pernah saya buat suruh pelajar bawa batu..’pergi ambil batu’ waktu itu dia carilah batu yang macam mana..lepas tu daun kering yang macam mana, lepas tu ranting, suruh bawa kan..macam-macam yang mereka bawa..haha..itulah..ada yang bawa batu kecil, ada yang bawa batu terlalu besar kan..itulah antara contoh bagi bahan maujud yang*

*perlu kita bagitahu pelajar..”*

*(GPIS7, 2014: 203)*

Jadual 6: Penandaan data bagi BBM Bahan Maujud

Keterangan: ‘x’ ialah mewakili data, GPI- Guru Pendidikan Islam, PAGPI- Pihak Atasan GPI, R1GPI- Rakan 1 GPI, R2GPI- Rakan 2 GPI, P1- Pelajar 1 GPI, P2- Pelajar 2 GPI

Sek.	GPI	PAGPI	R1GPI	R2GPI	P1	P2
S1	x	-	-	-	-	-
S2	-	-	-	-	-	-
S3	-	-	-	x	-	-
S4	x	x	-	-	-	-
S5	-	-	x	x	-	-
S6	-	-	x	-	-	-
S7	x	-	-	-	-	-

Bahan terakhir yang membentuk pola kajian iaitu buku rujukan (lihat Jadual 7). Sebahagian GPI didapati menggunakan buku rujukan sebagai sumber maklumat tambahan kepada pelajar-pelajar mereka (P2S1, 2012: 67; P1S2, 2012: 180; GPIS3, 2012: 769; R2GPIS5, 2014: 124; GPIS7, 2014: 217). Kenyataannya, (GPI:PP/BBM/BRJ)


*“ustaz selalu guna buku rujukan untuk bagi maklumat detail..” (P2S7, 2014: 20)*

Jadual 7: Penandaan data bagi BBM Buku Rujukan

Keterangan: ‘x’ ialah mewakili data, GPI- Guru Pendidikan Islam, PAGPI- Pihak Atasan GPI, R1GPI- Rakan 1 GPI, R2GPI- Rakan 2 GPI, P1- Pelajar 1 GPI, P2- Pelajar 2 GPI

Sek.	GPI	PAGPI	R1GPI	R2GPI	P1	P2
S1	-	-	-	-	-	x
S2	-	-	-	-	x	x
S3	x	x	-	-	x	-
S4	-	-	-	-	-	-
S5	-	-	-	x	-	-
S6	-	-	-	-	x	-
S7	x	-	-	-	-	x

Selain itu, kajian turut mendapati terdapat beberapa bahan BBM yang tidak membentuk pola kajian di S1-S7. Carta 1 jelas menunjukkan bahawa penggunaan kad manila; majalah dan surat khabar; tafsir al-Quran; internet; carta; keratan gambar; papan hitam, papan putih, dan smart board; audio; dan CD-Rom menjadi pilihan bahan bantu mengajar bagi sebahagian kecil GPI.



Carta 1: Pengamalan BBM yang tidak membentuk pola kajian di S1-S7

Kesimpulannya melalui hasil temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen yang telah dijalankan terhadap GPI di S1-S7 terdapat tujuh alatan bahan bantu mengajar yang membentuk pola kajian dalam kajian ini. Manakala sembilan jenis yang lain tidak membentuk pola kajian berikutan kurang diaplikasikan oleh GPI di sekolah.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Perbincangan yang menjurus kepada aspek bahan bantu mengajar yang diaplikasikan penggunaannya oleh GPI di S1-S7 dapat dipecahkan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah dapatan yang membentuk pola kajian menunjukkan sebanyak tujuh bentuk BBM yang terdiri daripada LCD, laptop, dan modul power point; buku modul, kertas edaran, dan buku latihan; buku teks; tayangan video; kertas majong; bahan mautud; dan buku rujukan. Manakala bahagian kedua pula ialah, dapatan yang tidak membentuk pola kajian yang terdiri daripada sembilan bahan iaitu, kad manila; majalah dan surat khobar; tafsir al-Quran; internet; carta; keratan gambar; papan hitam, papan putih, dan smart board; audio; dan CD-Rom. Oleh yang demikian, kajian ini dapat membuktikan bahawa setiap GPI di S1-S7 sememangnya menggunakan BBM dalam proses P&P Pendidikan Islam dengan amat baik.

Seiring dengan kemajuan teknologi pada hari ini, GPI di S1-S7 turut tidak ketinggalan untuk menggunakan segala kemudahan ICT ini dalam sesi P&P di sekolah. Ke kerapannya penggunaan laptop, LCD, dan modul power point oleh GPI dilihat membantu serta menjadikan P&P lebih menarik. Selain itu, ia dapat meningkatkan minat pelajar di samping dapat memahami dengan lebih baik (Zaidatun *et al.*, 2010; Wei Wang, 2012) serta memudahkan pelajar untuk memberi tumpuan terhadap penyampaian guru (Sharifah Nor & Kamarul Azman, 2011). Keadaan ini selaras dengan kajian Johari *et al.* (2014) yang menyatakan bahawa ICT berperanan sebagai alat untuk mengajar dan belajar, sambungan serta media pertukaran. Justeru itu, peluang yang ada perlu diraih melalui penggabungan pengetahuan dan pembelajaran dengan kekuatan alat teknologi pendidikan, dan menggunakan sinergi ini bagi menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Tambahnnya lagi, penguasaan pengetahuan ICT merupakan prasyarat bagi seseorang guru untuk menguasai lebih banyak ilmu pengetahuan pada zaman globalisasi ini. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang baik dalam ICT bagi melaksanakan tugas-tugas peribadi atau pengurusan dan sebagai satu kelebihan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. (Johari *et al.*, 2014; Chung & Jamaludin, 2010; Khairul Nizam, 2012)

Namun begitu, ini tidak bermakna bahan BBM yang lain tidak menarik untuk digunakan. Hal ini adalah kerana, pengkaji bahawa setiap bahan BBM memberi makna dan peranan masing-masing dalam membantu guru menyampaikan isi pelajaran dan memudahkan kefahaman pelajar. Sebagai contoh, bahan BBM yang tidak berbentuk multimedia seperti kertas majong membantu dalam sesi pembentangan pelajar. Penggunaan bahan maujud juga pada hakikatnya turut melancarkan lagi proses P&P selain pelajar dapat melihat, mengenal, dan merasai sendiri pengalaman menggunakannya (Kamarul Azmi & Ab.Halim, 2007). Hal ini secara tidak langsung dapat menambahkan ilmu serta kefahaman pelajar melalui aktiviti amali yang dibuat oleh GPI dengan menggunakan bahan maujud contohnya dengan menunjukkan bahan-bahan yang digunakan dalam pengurusan jenazah kepada pelajar dengan lebih jelas. Perkara ini adalah selari dengan kajian Kamarul Azmi *et al.* (2011) yang mendapati bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar seperti kertas edaran dan modul, buku teks, kertas majong, buku rujukan, dan gambar masih menjadi amalan bagi sebahagian besar GPI dalam sesi P&P di sekolah.

Kesimpulannya, setiap guru khususnya GPI perlu mempelbagaikan serta memanfaatkan segala bentuk BBM samada yang berbentuk multimedia elektronik mahupun bukan elektronik demi kelangsungan dan keberkesanan P&P. Hal ini kerana, menurut Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2008) pendengaran dan penglihatan adalah sumber mekanisme utama kemasukan maklumat kepada pelajar.

## IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kajian, pengkaji membina satu model yang dinamakan sebagai Model Bahan Bantu Mengajar Pendidikan Islam. Model ini digambarkan sebagaimana yang terpapar di Rajah 1.



Rajah 1: Model Bahan Bantu Pengajaran Pendidikan Islam

Rajah 1 menunjukkan bahawa GPI yang berkualiti di Johor seperti dalam kajian ini tidak lagi hanya menggunakan kaedah penyampaian serta pengajaran berbentuk *chalk and talk* semata-mata. Mereka mempelbagaikan penggunaan BBM agar pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan.

Kesimpulannya, pengkaji telah membincangkan perkara yang berkaitan objektif, persoalan kajian, metodologi kajian dan hasil analisis kajian tentang bahan-bahan bantu pengajaran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah menengah.



Oleh yang demikian, hasil kajian dapat membina sebuah model, iaitu Model Bahan Bantu Pengajaran Pendidikan Islam. Justeru, pengkaji berharap agar model ini dapat menjadi panduan khususnya kepada guru Pendidikan Islam sebagai memberi idea kepada penambahbaikan dalam corak penyampaian dan pengajaran dalam kelas bagi menjadikan P&P Pendidikan Islam lebih berkesan. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi GPI untuk mendalami serta menguasai bukan hanya kaedah pengajaran yang baik malah juga sebaiknya dapat mempelbagaikan lagi bentuk BBM dalam P&P mereka seperti dalam model ini.

## RUJUKAN

- Charlie, Anak Ungang. (2008). *Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan: Kajian kes di lima buah sekolah daerah Serian*. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 8, 80-96.
- Chung, Hui Ching, dan Jamaludin, Badusah. (2010). *Sikap guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 59-65.
- GPIS1. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-14). Surau S1, SMK Taman Desa Skudai: FTI, UTM.
- GPIS2. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-34). Surau S1, SMK Taman Universiti: FTI, UTM.
- GPIS3. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-60). Perpustakaan S3, SM Tun Fatimah Johor Bahru: FTI, UTM.
- GPIS4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-16). Bilik Kaunseling S4, Sekolah Menengah Agama Al-Quran Waddin: FTI, UTM.
- GPIS6. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-17). Bilik Kaunseling S5, Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru: FTI, UTM.
- GPIS7. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-23). Surau S7, Sek. Men. Keb. Dato' Penggawa Barat Pontian: FTI, UTM.
- Johari, Surif, Nor Hasniza, Ibrahim, dan Rohaya, Abu Hassan. (2014). *Tahap Amalan dan Pengintegrasian ICT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sains*. *Sains Humanika*, 2(4), 13-18.
- Kamarul Azmi, Jasmi, dan Ab. Halim, Tamuri (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi, Jasmi, dan Ab. Halim, Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi, Jasmi, Mohd Faez, Ilias, Ab Halim, Tamuri, dan Mohd Izham, Mohd Hamzah. (2011). Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Khairul Nizam, Mohd Khalid. (2012, 8-9 Mac). *Tarikan Laman Web dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam, Le Grandeur Palm Resort, Senai Johor Bahru.
- Merriam, Sharan B. (2002). *Qualitative Research In Practice: Example For Discussion And Analysis* (pp. 3-17). San Francisco: Jossey-Bass.

- Mohd, Azam. (2009). *Guru Pendidik, Pengajar atau Pendakwah*. Selangor: Karisma Publication Sdn.Bhd.
- Mohd Faez, Ilias, dan Kamarul Azmi, Jasmi. (2012, 8-9 Mac). *Aplikasi Bahan Bantu Mengajar Rasulullah SAW dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ibadah Khususiah dari Perspektif Muhammad Fu'ad Abdul Baqi dalam Kitab Al-Lu'lu' Wal Marjan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam Pengajaran dan Pembelajaran Realistik dalam Pendidikan Islam Penerokaan Terhadap Kandungan dan Kaedah, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Nazirah, Hamdan, dan Kamarul Azmi, Jasmi. (2013, 17-18 September ). *Bentuk Metodologi Pengajaran Rasulullah SAW Dari Perspektif Pemikiran Imam al-Nawawi Menerusi Kitab Himpunan Hadis Empat Puluh*. Paper presented at the Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13], The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi, Nik Yusoff, dan Kamarulzaman, Ab Ghani. (2008). *Penggunaan alat bantu mengajar dan hubungannya dengan pencapaian kemahiran mendengar bahasa arab*. *Jurnal Teknologi*, 49(E), 141-154.
- Norhani, Bakri. (2010). *Dimensi Budaya Teknologi dalam Era Globalisasi*. UTM: Pantas Set Sdn.Bhd.
- Othman, Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- P1S2. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-32). Surau S1, SMK Taman Universiti: FTI, UTM.
- P1S5. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-15). Surau S5, Sek. Men. (P) Sultan Ibrahim Johor Bahru: FTI, UTM.
- P2S1. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-12). Wakaf Rehat S1, SMK Taman Desa Skudai: FTI, UTM.
- P2S2. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-32). Surau S2, SMK Taman Universiti: FTI, UTM.
- P2S7. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam* In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-11). Surau S7, Sek. Men. Keb. Dato' Penggawa Barat: FTI, UTM.
- PAGPIS1. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-28). Bilik Ketua Bidang S1, SMK Taman Desa Skudai: FTI, UTM.
- PAGPIS4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-18). Bilik Ketua Bidang S4, SM Agama Al-Quran Waddin: FTI, UTM.
- PAGPIS5. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-19). Bilik Guru-guru Kanan S5, Sek. Men. (P) Sultan Ibrahim Johor Bahru: FTI, UTM.
- R1GPIS1. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-7). Bilik Guru S1, SMK Taman Desa Skudai: FTI, UTM.
- R1GPIS3. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-53). Bilik Guru S3, SMK Tun Fatimah Johor Bahru: FTI, UTM.
- R1GPIS4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.),

- Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-16). Bilik Guru S4, SM Agama Al-Quran Waddin: FTI, UTM.
- R1GPIS5. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-19). Bilik Sumaiyah S5, Sek. Men. (P) Sultan Ibrahim Johor Bahru: FTI, UTM.
- R1GPIS6. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-15). Bilik Gerakan S6, Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru: FTI, UTM.
- R2GPIS3. (2012). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-66). Bilik Guru S3, SMK Tun Fatimah Johor Bahru: FTI, UTM.
- R2GPIS4. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-12). Bilik Guru S4, SM Agama Al-Quran Waddin: FTI, UTM.
- R2GPIS5. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-17). Bilik Sumayyah S5, Sek. Men. (P) Sultan Ibrahim Johor Bahru: FTI, UTM.
- R2GPIS6. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-17). Bilik Kaunseling S6, Maktab Sultan Abu Bakar: FTI, UTM.
- R2GPIS7. (2014). *Ciri-ciri Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam*. In Nazirah Hamdan (Ed.), *Kajian Lapangan Ph.D* (pp. 1-20). Bilik Guru Senior S7, Sek. Men. Keb. Dato' Penggawa Barat Pontian: FTI, UTM.
- Sang, Mook Soon. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.
- Shahabuddin, Hashim, Rohizani, Yaakub, dan Mohd Zohir, Ahmad. (2007). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*: PTS Profesional.
- Sharifah Nor, Puteh, dan Kamarul Azman, Abd Salam. (2011). *Tahap Kesediaan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34.
- Wei Wang, Christopher Lu (2012). *Kesan penggunaan bahan bantu mengajar visual dalam pengajaran subjek sains tahun tiga*. Paper presented at the Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL.
- Zaidatun, Tasir, Jamalludin, Harun, dan Nurul Syazwani, Ismail. (2010). *Kerberkesanan Kamus Web Multimedia Interaktif Berasaskan Pendekatan Andragogi*. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 10.